Kes gigitan anjing meningkat

HM 29/9/15

Kuala Lumpur: Kes gigitan anjing pada manusia dan bilangan anjing yang dimusnahkan semakin meningkat ekoran penularan wabak penyakit anjing gila (rabies) di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kes gigitan anjing pada manusia meningkat kepada 137 hari ini (semalam) berbanding 133 semalam (kelmarin) dengan Pulau Pinang mencatatkan jumlah tertinggi (82), diikuti Perlis (34) dan Kedah (21).

Di samping itu, 2,669 anjing dimusnahkan di tiga negeri terbabit yang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies pada 17 September lalu.